



GARIS PANDUAN PENGENAAN FI KELESTARIAN NEGERI SELANGOR

(PROGRAM DAN AKTIVITI)

(Kemaskini Pada 24 Jun 2026)

PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

KANDUNGAN

GARIS PANDUAN PENGENAAN FI KELESTARIAN NEGERI SELANGOR (PROGRAM DAN AKTIVITI)

1.	TUJUAN	1
2.	SKOP PENGGUNAAN AKAUN AMANAH KELESTARIAN NEGERI SELANGOR	2
3.	KEAHLIAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENTADBIRAN AKAUN AMANAH KELESTARIAN NEGERI SELANGOR	6
4.	KEAHLIAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENTADBIRAN AKAUN AMANAH KELESTARIAN (PBT)	8
5.	PELAPORAN PERBELANJAAN AKAUN AMANAH KELESTARIAN NEGERI SELANGOR	10
6.	PERBELANJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN	12
7.	PENUTUP	13
8.	TARIKH KUAT KUASA	13
9.	INDEKS	14

1.0 TUJUAN

- 1.1 Garis Panduan Pengenaan Fi Kelestarian Negeri Selangor (Program Dan Aktiviti) disediakan bertujuan sebagai asas panduan serta rujukan kepada semua pihak berkaitan seperti SPBT, PBT dan TSSB bagi pematuhan pelaksanaan prorgam/ aktiviti berkaitan pelancongan tersebut.
- 1.2 Garis panduan ini juga bertujuan menyediakan panduan kepada semua pihak berkepentingan/ pemegang taruh (*stakeholders*) bagi pelaksanaan prorgam/ aktiviti secara bersepadu, menyeluruh dan holisitik selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 25/2025 pada 15 Ogos 2025 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 26/2025 pada 3 September 2025 telah bersetuju supaya menyediakan tatacara (terma rujukan) pengurusan akaun Amanah Kelestarian Negeri Selangor bagi tujuan pembangunan dan aktiviti pelancongan.
- 1.3 Garis panduan ini juga selaras dengan keputusan Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 37/2025 pada 10 Disember 2025 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 38/2025 pada 19 Disember 2025 telah bersetuju bagi pindaan keputusan MMKN ke 25/2025 seperti pindaan kepada Tabung Amanah Kelestarian Negeri Selangor.

- 1.4 Garis panduan ini juga adalah selaras dengan kelulusan penubuhan Tabung Amanah Kelestarian Negeri Selangor yang mula berkuat kuasa pada 11 Mei 2026 di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957.

2.0 SKOP PENGGUNAAN AKAUN AMANAH KELESTARIAN NEGERI SELANGOR

- 2.1 Peruntukkan Akaun Amanah Kelestarian Negeri Selangor dibelanjakan merangkumi **lapan (8) skop** penggunaan seperti berikut:

- a) Penyelenggaraan dan penyediaan **kemudahan** pelancongan;
- b) **Promosi dan pemasaran** destinasi pelancongan;
- c) Meminda kerangka **polisi dan perundangan**;
- d) Program **penglibatan** komuniti dan agensi pelancongan;
- e) Membangunkan **latihan** sumber manusia;
- f) Program menjana/ membangunkan **produk pelancongan**;
- g) Penambahbaikan **pelaporan** statistik pelancongan; DAN
- h) Melaksanakan kerja-kerja **pemantauan dan penguatkuasaan**.

2.2 Objektif utama pelaksanaan prorgam/ aktiviti tersebut adalah bertujuan:-

- a) Usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil menggunakan semua potensi yang ada termasuklah sumber hasil kutipan Fi Kelestarian;
- b) Meningkatkan imej Negeri Selangor sebagai destinasi pelancongan yang lestari dan mampan selari dengan Dasar Pelancongan Negara 2020 – 2030;
- c) Menampung kos pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur berkaitan pelancongan bagi meningkatkan kualiti pengalaman kepada pelancong yang berkunjung ke Negeri Selangor;
- d) Membiayai inisiatif yang bertujuan menjaga keindahan alam seperti pemuliharaan kawasan semula jadi dan perlindungan biodiversiti; DAN
- e) Menjamin kelangsungan dan kelestarian industri pelancongan di Negeri Selangor dalam jangka masa panjang.

2.3 Kerajaan Negeri Selangor menetapkan bahawa perbelanjaan peruntukkan Akaun Amanah Kelestarian Negeri Selangor perlu mematuhi ketetapan seperti berikut:

- a) Peruntukan yang disalurkan perlu **dibelanjakan mengikut skop** yang telah ditetapkan;
- b) Perlu **mengemukakan dokumen berkaitan bagi melancarkan penyaluran** peruntukkan seperti berikut :

Sekiranya Jabatan/ Agensi mempunyai iSPEKS	Sekiranya Jabatan/ Agensi tidak mempunyai iSPEKS
PNS akan menyalurkan peruntukkan Fi Kelestarian secara jurnal dengan menggunakan maklumat seperti berikut: i. Pengesahan Kod Jabatan dan Kod PTJ; dan ii. Surat Setuju Terima perolehan projek	PNS akan menyalurkan peruntukkan Fi Kelestarian secara Direct Grant dengan menggunakan maklumat seperti berikut: i. Pengesahan Nama Akaun, No. Akaun, Nama Bank; dan ii. Surat Setuju Terima perolehan projek

- c) perbelanjaan peruntukan **perlu dilaksanakan dan diselesaikan dalam tahun semasa;**

- d) baki **peruntukkan yang tidak dibelanjakan** perlu **dikembalikan semula** ke Akaun Amanah Kelestarian Negeri Selangor seperti perihal berikut;

Sekiranya Jabatan/ Agensi mempunyai iSPEKS	Sekiranya Jabatan/ Agensi tidak mempunyai iSPEKS
Sila jurnalkan lebih peruntukkan Fi Kelestarian melalui perihal berikut: Nama Akaun : Akaun Amanah Kelestarian Negeri Selangor Kod Akaun : L1212168 No. VOT : L469 Kod Jabatan : 020300 / 20301000 Emel Notifikasi : G_PWNDana@Selangor.gov.my Perihal lain : (Jabatan/ Agensi) (Lebih Peruntukkan Fi Kelestarian) (Bil. Fasa) (Tahun) Contoh Perihal : (SPBT) (Lebih Peruntukkan Fi Kelestarian) (Fasa 1) (2026)	Sila salurkan lebih peruntukkan Fi Kelestarian melalui perihal berikut: Nama Akaun : Bendahari Negeri Selangor No. Akauan : 8603252659 Nama Bank : CIMB Islamic Bank Berhad Emel Notifikasi : G_PWNDana@Selangor.gov.my Perihal : 020300 – KELESTARIAN Perihal lain : (Jabatan/ Agensi) (Fi Kelestarian) (Bil. Fasa) (Tahun) Contoh Perihal : (MBPJ/ TSSB) (Lebih Peruntukkan Fi Kelestarian) (Fasa 1) (2026)

- e) **pemantauan berkala dijalankan oleh pihak SPBT – Subseksyen Pelancongan dan PNS** ke atas peruntukan yang disalurkan; DAN
- f) Sebarang **tambahan projek (VO) dan penukaran pindaan projek** perlu **mendapatkan kelulusan** Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah Kelestarian Negeri Selangor.

3.0 KEAHLIAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENTADBIRAN AKAUN AMANAH KELESTARIAN NEGERI SELANGOR

3.1 Keahlian Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah Kelestarian Negeri Selangor adalah terdiri daripada :

- i. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor - Pengerusi
- ii. Pegawai Kewangan Negeri Selangor atau wakilnya - Ahli
- iii. Timb. Pegawai Kewangan Negeri Selangor atau wakilnya - Ahli
- iv. Bendahari Negeri Selangor atau wakilnya - Ahli
- v. Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor atau wakilnya - Ahli

- vi. Ketua Pen. Pegawai Kewangan Negeri (H) - Setiausaha atau wakilnya
- vii. Pihak Berkuasa Tempatan / - Keahlian
Tourism Selangor Sdn. Bhd. / jemputan
Pejabat EXCO Kerajaan Tempatan
& Pelancongan dan lain-lain jabatan/ agensi
berkaitan (mengikut keperluan)

3.2 Tanggungjawab Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah Kelestarian Negeri Selangor adalah:

- i. Memutuskan dasar dan tatacara berhubung dengan penerimaan dan penggunaan wang di dalam Akaun Amanah selaras dengan tujuan Akaun ini ditubuhkan.
- ii. Menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan Akaun disediakan dan dikemukakan sebagaimana ditetapkan dalam Arahan ini, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling yang berkaitan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang berkuatkuasa semasa;
- iii. Meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tahunan dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Akaun;
- iv. Memastikan bahawa Akaun berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan Anggaran Perbelanjaan Akaun; DAN

- v. Jawatankuasa Akaun hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali dalam setahun dan kuorum bagi mesyuarat Jawatankuasa Akaun adalah 2/3 orang daripada ahli Jawatankuasa Akaun. Catatan minit mesyuarat hendaklah disediakan oleh Setiausaha Jawatankuasa Akaun dan diedarkan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Akaun.

4.0 KEAHLIAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA PENTADBIRAN AKAUN AMANAH KELESTARIAN (PBT)

4.1 Keahlian Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah Kelestarian (PBT) adalah terdiri daripada :

- i. Datuk Bandar atau Yang Dipertua atau Timbalannya - Pengerusi
- ii. Pengarah Jabatan Perbendaharaan atau wakilnya - Ahli
- iii. Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat atau wakilnya - Ahli
- iv. Pengarah Jabatan Penguatkuasaan atau wakilnya - Ahli
- v. Pengarah Jabatan Pelesenan atau wakilnya - Setiausaha

- vi. Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor - Keahlian
/ Tourism Selangor Sdn. Bhd. / jemputan
Pejabat EXCO Kerajaan Tempatan
dan lain-lain jabatan/ agensi berkaitan
(mengikut keperluan)

4.2 Tanggungjawab Jawatankuasa Pentadbiran Akaun Amanah Kelestarian (PBT) adalah:

- i. Memutuskan dasar dan tatacara berhubung dengan penerimaan dan penggunaan wang di dalam Akaun Amanah selaras dengan tujuan Akaun ini ditubuhkan seperti kutipan keseluruhan Fi Kelestarian Negeri Selangor;
- ii. Menentukan semua laporan dan penyata berhubung dengan Akaun disediakan dan dikemukakan sebagaimana ditetapkan dalam Arahan ini, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling yang berkaitan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang berkuatkuasa semasa seperti menyelaraskan Laporan Kutipan Fi Kelestarian Bulanan/ Tahunan dan Laporan Perancangan Projek Pelancongan yang akan dilaksanakan mulai tahun 2027;
- iii. Meluluskan Anggaran Perbelanjaan Tahunan dan Anggaran Perbelanjaan Tambahan Akaun seperti mengesahkan jumlah kutipan Fi Kelestarian yang akan dijurnalkan ke Akaun Hasil (PBT) dan ke Akaun Amanah Kelestarian Negeri Selangor;
DAN

- iv. Memastikan bahawa Akaun berbaki kredit dan tidak terlebih dikeluarkan semasa meluluskan Anggaran Perbelanjaan Akaun.

5.0 PELAPORAN PERBELANJAAN AKAUN AMANAH KELESTARIAN NEGERI SELANGOR

- 5.1 Setiap jabatan/ agensi perlu mengemukakan **perancangan perbelanjaan program/ aktiviti tahun berikutnya (yang disahkan oleh Ketua Jabatan/ Agensi)** di bawah peruntukkan Akaun Amanah Kelestarian Negeri Selangor selewatnya pada **30 November setiap tahun** dan diselaraskan oleh **SPBT – Subseksyen Pelancongan** sebelum mengemukakannya kepada Perbendaharaan Negeri Selangor **seperti Lampiran 1**.
- 5.2 Laporan **prestasi perbelanjaan program/ aktiviti berakhir 30 Jun** perlu dikemukakan selewatnya pada **15 Julai setiap tahun seperti Lampiran 2**.
- 5.3 Laporan perancangan dan prestasi perbelanjaan perlu disediakan oleh pegawai jabatan/ agensi dan disahkan oleh **Datuk Bandar / Timbalan Datuk Bandar / Yang Dipertua / Timbalan Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa** untuk mengesahkan laporan tersebut.

- 5.4 Laporan prestasi perbelanjaan program/ aktiviti berakhir **31 Disember** perlu dikemukakan selewatnya **pada 15 Januari tahun berikutnya seperti Lampiran 2**. Perincian seperti jadual berikut:

Lampiran	Jenis Laporan	Tarikh Akhir Laporan Dikemukakan
1	Laporan Perancangan Tahunan	selewatnya pada 30 November setiap tahun
2	Laporan Prestasi Setengah Tahun sehingga 30 Jun	selewatnya pada 15 Julai setiap tahun
	Laporan Prestasi Tahunan sehingga 31 Disember	selewatnya pada 15 Januari tahun berikutnya

- 5.5 Laporan prestasi tahunan perbelanjaan program/ aktiviti **hendaklah disediakan oleh Jabatan/ Agensi masing-masing** (SPBT/ PBT/ TSSB) bagi memastikan semua urusan perbelanjaan dibuat berdasarkan kepada ketetapan Garis Panduan ini dan penyaluran dibuat berdasarkan kepada peraturan dan tatacara kewangan kerajaan yang berkuat kuasa.

6.0 PERBELANJAAN YANG TIDAK DIBENARKAN

- 6.1 Projek yang dibiayai daripada Kerajaan Persekutuan (Pemberian MARRIS, Pemberian TAHAP dan lain-lain pemberian.
- 6.2 Projek-projek pembangunan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia;
- 6.3 Projek yang diimbuh balik (*reimbursable*) oleh Kerajaan Persekutuan;
- 6.4 Semua projek kecil Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri tidak dibenarkan;
- 6.5 Perbelanjaan melibatkan pengambilan balik tanah tidak dibenarkan;

7.0 PENUTUP

Garis Panduan Pengenaan Fi Kelestarian Negeri Selangor (Program Dan Aktiviti) diwujudkan dan dikuatkuasakan oleh PBT sebagai asas panduan serta rujukan bagi pematuhan kepada semua premis penginapan yang terlibat dengan pengenaan Fi Kelestarian. Kerajaan Negeri Selangor berhak meminda atau menambah baik Garis Panduan ini dari semasa ke semasa.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan Pengenaan Fi Kelestarian Negeri Selangor (Program Dan Aktiviti) ini berkuat kuasa mulai **1 Julai 2026**.

Perbendaharaan Negeri Selangor

24 Jun 2026

9.0 INDEKS

iSPEKS	-	Sistem Perakaunan Akruan Kerajaan Negeri
MMKN	-	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PNS	-	Perbendaharaan Negeri Selangor
PTJ	-	Pusat Tanggungjawab
SPBT	-	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan
TSSB	-	Tourism Selangor Sdn. Bhd.